



BOT nelayan tempatan yang ditahan di perairan Kuala Tembeling, Kuantan.

## Guna khidmat warga asing tangkap ikan

HM 4/10/2024 pg 8

**Kuantan:** Guna khidmat pendatang asing tanpa izin warga Myanmar untuk menangkap ikan di perairan negara.

Kegiatan itu berjaya dikekan selepas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pahang menahan sebuah bot nelayan tempatan Kelas C kerana disyaki melanggar syarat sah lesen di tenggara perairan Kuala Tembeling, di sini, semalam.

Pengarah Maritim Pahang, Laksamana Pertama Maritim Mazlan Mat Rejab berkata, bot itu ditahan ketika pihaknya menjalankan rondaan Op Makmur.

Katanya, pemeriksaan awal mendapati, bot itu dikendalikan lima warga Myanmar termasuk tekong berusia antara 28 dan 40 tahun.

“Hasil pemeriksaan lanjut mendapati bot itu me-

langgar syarat sah lesen Akta Perikanan 1985 kerana tidak mempunyai permit kerja yang sah iaitu menggajikan pekerja warga asing tanpa kebenaran Pengarah Perikanan Malaysia.

“Kes juga akan disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63 kerana gagal mempamerkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) ketika diperiksa.

“Lima nelayan dan bot yang ditahan dibawa ke Jeti Pernepa Kuantan Slipway bersama peralatan menangkap ikan serta hasil laut dianggarkan sebanyak 2.3 tan,” katanya.

Susulan kes itu, beliau berkata, pihaknya mengingatkan komuniti maritim terutama nelayan di perairan Pahang supaya tidak terbabit sebarang aktiviti menyalahi undang-undang.